

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

**SOALAN TERTUTUP**



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**JTW 224 – PENGENALAN KEPADA PSIKOLOGI PENGURUSAN**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM BELAS (16)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan di atas borang OMR.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll].  
Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

1. Genetik dan alam sekitar mempengaruhi \_\_\_\_\_ dan perkembangan fizikal.
  - A. persepsi
  - B. emosi
  - C. personaliti
  - D. keinginan diri yang luar biasa
  
2. Alam sekitar memberi kesan kepada semua peristiwa di luar dan dalam yang mempengaruhi \_\_\_\_\_ diri manusia.
  - A. naluri semula jadi
  - B. matlamat
  - C. kelakuan
  - D. perkembangan
  
3. Faktor pemakanan, penjagaan kesihatan, dan gaya hidup mempengaruhi \_\_\_\_\_ dan bentuk badan manusia.
  - A. sikap
  - B. ketinggian
  - C. genetik
  - D. motivasi
  
4. Otak seorang kanak-kanak adalah sangat \_\_\_\_\_ dengan neuron berbanding otak orang dewasa.
  - A. lemah
  - B. kuat
  - C. padat
  - D. sihat
  
5. Pada zaman kanak-kanak dan awal remaja, otak \_\_\_\_\_ dan membuang sambungan yang tidak perlu, dengan itu mengurangkan jumlah bilangan synapse.
  - A. menyekat
  - B. memindahkan
  - C. membuka
  - D. mencantas

6. Di peringkat kanak-kanak, jika otak rosak di kawasan tertentu, kawasan otak yang lain boleh mengimbangi dengan \_\_\_\_\_.
- A. menyembuhkan semula secara semulajadi
  - B. menyusun semula sambungan neural
  - C. membuang sambungan yang tidak perlu
  - D. mencantas dan membaiki kawasan yang rosak
7. Tiga konsep kepada Teori Piaget adalah \_\_\_\_\_.
- A. autoritarian, autoritatif, permisif (*authoritarian, authoritative, permissive*)
  - B. autonomi, malu, ragu (*autonomy, shame, doubt*)
  - C. skema, asimilasi, penyesuaian (*schema, assimilation, accommodation*)
  - D. orientasi, ketaatan, hukuman (*orientation, obedience, punishment*)
8. Proses mengambil maklumat baru yang sedia ada dalam skema (*schema*) dipanggil \_\_\_\_\_.
- A. autonomi
  - B. asimilasi (*assimilation*)
  - C. penyesuaian (*accommodation*)
  - D. orientasi
9. \_\_\_\_\_ melibatkan pengubahan skema (*schema*) yang sedia ada atau idea sebagai hasil daripada maklumat baru atau pengalaman baru.
- A. Modifikasi
  - B. Asimilasi (*assimilation*)
  - C. Penyesuaian (*accommodation*)
  - D. Adaptasi
10. Berikut adalah empat *Piaget's Stages of Cognition* **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. *Sensorimotor*
  - B. *Preoperational*
  - C. *Formal Operation*
  - D. *Moral Reasoning*

11. Pada peringkat \_\_\_\_\_, kanak-kanak belajar melalui simbol dan mempercayai perkara yang tidak logik disebabkan pengalaman mereka yang terhad.
- A. *Sensorimotor*
  - B. *Preoperational*
  - C. *Concrete Operation*
  - D. *Formal Operation*
12. *Zone of proximal development* (ZPD) adalah \_\_\_\_\_ antara apa yang kanak-kanak sudah boleh lakukan dan apa yang tidak mampu melakukan tanpa bantuan.
- A. kebolehan
  - B. jurang
  - C. kemahiran
  - D. reflex
13. Berikut adalah tiga jenis gaya keibubapaan (*parenting styles*) **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. *Authoritarian*
  - B. *Authoritatif*
  - C. *Permissif*
  - D. *Demokrasi*
14. \_\_\_\_\_ mempunyai kawalan tahap yang tinggi dan menunjukkan tahap kasih sayang yang sedikit terhadap anak-anak mereka.
- A. *Authoritarian*
  - B. *Authoritatif*
  - C. *Permissif*
  - D. *Demokrasi*
15. \_\_\_\_\_ menunjukkan kemesraan dan kasih sayang, mempunyai kawalan yang sangat sedikit atas anak-anak mereka. Disiplin adalah sangat longgar.
- A. *Laissez faire*
  - B. *Authoritatif*
  - C. *Permissif*
  - D. *Authoritarian*

16. Dalam *Erikson's Stages of Psychosocial Development*, terdapat \_\_\_\_\_ peringkat personaliti.
- A. enam
  - B. lapan
  - C. lima
  - D. empat
17. *Erikson's Stages of Psychosocial Development* mengatakan bahawa di setiap satu peringkat, manusia mengalami konflik yang berfungsi sebagai satu \_\_\_\_\_.
- A. cara ke arah perkembangan peribadi
  - B. titik perubahan dalam perkembangan diri mereka
  - C. permulaan kesan daripada peristiwa yang berlaku
  - D. permulaan dalam membina kepercayaan pada orang lain
18. Pada peringkat \_\_\_\_\_ tahun pertama kehidupan, bayi bergantung sepenuhnya kepada orang lain untuk memenuhi keperluan mereka.
- A. *Trust vs mistrust*
  - B. *Initiative vs guilt*
  - C. *Identity vs role confusion*
  - D. *Integrity vs despair*
19. Bila umur meningkat tua, \_\_\_\_\_ akan merosot.
- A. bilangan sinaps
  - B. neuron
  - C. memori kerja
  - D. sambungan pada otak
20. *Vygotsky's Theory of Cognitive Development* menekankan kepentingan \_\_\_\_\_.
- A. prinsip yang berbeza
  - B. budaya dan interaksi sosial
  - C. memperoleh pengetahuan melalui pengalaman
  - D. pemerhatian untuk belajar

21. Kehilangan ingatan dan \_\_\_\_\_ tidak dapat dielakkan dalam diri kita sebagai orang dewasa.
- A. cara berinteraksi
  - B. penurunan dalam kebolehan mental
  - C. penglihatan
  - D. penurunan integriti
22. *Establishment phase* adalah peringkat di mana manusia \_\_\_\_\_.
- A. meneroka bakat yang ditetapkan dalam pekerjaan tertentu
  - B. baru mula bekerja
  - C. sudah bersara dan berhenti kerja
  - D. sedang membina kerjaya dalam kehidupan
23. *Deceleration phase* adalah peringkat di mana manusia bersedia untuk \_\_\_\_\_.
- A. berhenti kerja sepenuh masa
  - B. persaraan akan datang
  - C. pembangunan dalam kerjaya
  - D. meneroka bakat yang ditetapkan dalam pekerjaan tertentu
24. \_\_\_\_\_ adalah cara kita menilai dan membuat pertimbangan berdasarkan pengetahuan dan perasaan kita terhadap orang, tempat, atau benda.
- A. Insentif
  - B. Naluri
  - C. Sikap
  - D. Tindakbalas
25. Hukuman (*punishment*) adalah keadaan di mana anda mendapat hukuman kerana mempunyai sikap tertentu, maka sikap itu \_\_\_\_\_.
- A. akan hilang
  - B. akan kekal
  - C. akan menjadi lemah
  - D. akan berubah

26. Pembelajaran melalui pemerhatian adalah merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- A. melihat dan meniru tingkah laku orang lain
  - B. cara untuk mempengaruhi cara sikap itu berkembang
  - C. cara kita menilai dan membuat pertimbangan berdasarkan pengetahuan dan perasaan
  - D. penilaian terhadap orang, isu, objek atau peristiwa
27. Kita dapati sikap kita \_\_\_\_\_ dengan ibu bapa atau orang yang rapat dengan kita.
- A. agak sama
  - B. sangat berbeza
  - C. ganjil
  - D. tiada jawapan di atas
28. *Cognitive consistency* bermaksud kita \_\_\_\_\_.
- A. merasa tidak selesa apabila terdapat ketidakselarasan antara sikap
  - B. keinginan untuk mengelakkan seseorang kerana sikapnya
  - C. keinginan untuk mempunyai sikap dan tingkah laku yang berbeza
  - D. semua jawapan di atas
29. Perbezaan di antara sikap adalah merujuk kepada \_\_\_\_\_, manakala tingkah laku adalah merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- A. apa yang anda rasa, tindakan anda
  - B. tindakan anda, apa yang anda rasa
  - C. apa yang anda rasa, pendapat anda
  - D. tindakbalas yang berlaku, bersama tindakan susulan
30. Teori Percanggahan Kognitif meramalkan bahawa kita akan mempunyai motivasi untuk \_\_\_\_\_.
- A. mengekalkan sikap kita kerana kita rasa sangat selesa.
  - B. belajar dengan menonton bagaimana orang lain melakukannya.
  - C. menukar sikap kita kerana kita rasa tidak selesa dengan keadaan itu.
  - D. bertukar emosi mengikut keadaan

31. \_\_\_\_\_ adalah kecenderungan yang boleh diwarisi.
- A. Obesiti
  - B. Kecantikan
  - C. Iman
  - D. Prejudis
32. “*Impression Formation*” adalah merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- A. cara kita memahami dan membuat pertimbangan mengenai orang lain
  - B. cara kita boleh meramalkan mereka bertindakbalas
  - C. mempunyai kefahaman yang baik tentang ciri-ciri dan kebolehan orang lain
  - D. semua jawapan di atas
33. \_\_\_\_\_ adalah berdasarkan bangsa, jantina, orientasi seksual, umur, agama, negara asal dan perbezaan lain yang membuatkan orang tertentu tidak suka antara satu sama lain.
- A. Prejudis
  - B. *Bias*
  - C. Stereotaip
  - D. Anti sosial
34. \_\_\_\_\_ adalah keadaan apabila seseorang itu bimbang orang lain akan menilai dirinya bukan berdasarkan kelayakan/kebolehannya tetapi berdasarkan latarbelakangnya.
- A. Type A
  - B. Ancaman stereotaip
  - C. Prejudis
  - D. Extrovert
35. Prejudis boleh berkembang melalui proses \_\_\_\_\_.
- A. *classical conditioning*
  - B. *operant conditioning*
  - C. *observational learning*
  - D. semua jawapan di atas



36. *Opponent-process theory* adalah teori motivasi yang menyatakan bahawa badan akan mengatasi kesan dadah yang ditelan dengan \_\_\_\_\_.
- A. menghentikan kesakitan daripada berpanjangan
  - B. melaraskan tahap rangsangan pada arah yang bertentangan pada kesan dadah
  - C. mengelakkan pergantungan pada ubat
  - D. pengambilan dos dadah yang lebih kecil di masa hadapan
37. Berikut adalah teori-teori emosi **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. Teori James-Lange
  - B. Teori Cannon-Bard
  - C. Schachter-Singer Two Factor
  - D. Teori Hans
38. Teori ini menyatakan bahawa hubungan antara kumpulan adalah salah satu cara yang berkesan untuk mengurangkan prejudis dalam kalangan manusia.
- A. *Contact hypothesis*
  - B. *Scapegoat*
  - C. *Aversive racism*
  - D. *Stereotype threat*
39. Faktor yang memberi kesan kepada ketaatan adalah merujuk kepada \_\_\_\_\_.
- A. pihak yang berkuasa (*authority figure*)
  - B. masa permintaan (*timing of request*)
  - C. peningkatan dalam tahap kejutan (*increase in shock level*)
  - D. semua jawapan di atas
40. Manakah antara berikut, faktor personaliti yang berkait rapat dengan masalah kemurungan dan stres?
- A. Type A
  - B. Type B
  - C. Tabah
  - D. Tidak berdaya

41. Dalam “*Biological Theories of Aggression*” kaum lelaki dikatakan lebih agresif daripada kaum wanita kerana \_\_\_\_\_.
- A. galakan kawan-kawan
  - B. mereka dipercayai mempunyai tahap *testosterone* yang lebih tinggi
  - C. tahap *serotonin* yang lebih tinggi
  - D. mereka dilahirkan begitu
42. Kelakuan *altruism* bermaksud \_\_\_\_\_.
- A. berfikir samada hendak menolong atau tidak
  - B. membantu orang lain tanpa didorong oleh kepentingan diri sendiri
  - C. lebih suka memantau dari jauh
  - D. menjadi saksi ketika darurat
43. Stres merujuk kepada \_\_\_\_\_ .
- A. peristiwa dimana kita bertindak balas kerana ia adalah mencabar
  - B. perubahan dalam kehidupan seseorang yang memerlukan pelarasan semula
  - C. keadaan yang dimana kita tiada masa untuk berehat
  - D. gangguan dan kekecewaan yang berlaku setiap hari
44. Manakah antara berikut **BUKAN** jenis tekanan?
- A. peristiwa-peristiwa hidup utama (*major life events*)
  - B. malapetaka
  - C. keliru
  - D. konflik
45. \_\_\_\_\_ adalah suatu keadaan di mana dalam pengaruh sosial, seseorang cuba untuk menukar sikap kita.
- A. Percanggahan
  - B. Pujukan
  - C. Sikap
  - D. Kelakuan
46. \_\_\_\_\_ karakter, watak, penampilan yang kita tunjukkan pada orang.
- A. Anima
  - B. Animus
  - C. Persona
  - D. *Shadow*

47. Personaliti adalah \_\_\_\_\_ dan tingkah laku yang menentukan cara seseorang biasanya bertindak dalam sesuatu situasi.
- A. sikap
  - B. emosi
  - C. kemahiran
  - D. corak kelakuan
48. \_\_\_\_\_ memainkan yang peranan penting dalam perkembangan personaliti manusia.
- A. Asuhan
  - B. Alam sekitar
  - C. Kawan
  - D. Genetik
49. Teori Carl Roger menyatakan \_\_\_\_\_ seseorang bergantung di atas kebolehan dan keunikan seseorang.
- A. persepsi
  - B. tingkah laku
  - C. kawan
  - D. penilaian
50. Budaya memainkan peranan yang lebih besar dalam perkembangan \_\_\_\_\_ berbanding biologi dan naluri.
- A. persepsi
  - B. tingkah laku
  - C. prejudis
  - D. personaliti
51. \_\_\_\_\_ adalah proses yang digunakan untuk melindungi ego dengan mengurangkan rasa bimbang apabila berhadapan dengan antara tuntutan id dan superego.
- A. Model personaliti
  - B. Pendekatan kognitif sosial
  - C. Defense mechanisms
  - D. Pendekatan sifat

52. \_\_\_\_\_ adalah kecenderungan untuk kita berkelakuan dengan cara yang sama dalam pelbagai situasi.
- A. *Central traits*
  - B. *Secondary traits*
  - C. *Cardinal traits*
  - D. *Hans traits*
53. \_\_\_\_\_ adalah sikap yang tidak konsisten dan menggambarkan sikap manusia dalam keadaan tertentu.
- A. *Central traits*
  - B. *Secondary traits*
  - C. *Cardinal traits*
  - D. *Hans traits*
54. \_\_\_\_\_ adalah unsur dominan personaliti yang mendorong tingkah laku kita.
- A. *Central traits*
  - B. *Secondary traits*
  - C. *Cardinal traits*
  - D. *Hans traits*
55. *Neuroticism* merujuk kepada sikap yang \_\_\_\_\_.
- A. mempunyai kawalan emosi yang baik
  - B. emosi tak tentu, berangin, sensitif
  - C. perbuatan melulu, tidak menghormati orang lain
  - D. kurang bercampur dengan orang
56. Kestabilan emosi merujuk kepada sikap yang \_\_\_\_\_.
- A. mempunyai kawalan emosi yang baik
  - B. emosi tak tentu, berangin, sensitif
  - C. perbuatan melulu, tidak menghormati orang lain
  - D. kurang bercampur dengan orang
57. *Psychoticism* merujuk kepada sikap yang \_\_\_\_\_.
- A. mempunyai kawalan emosi yang baik
  - B. emosi tak tentu, berangin, sensitif
  - C. perbuatan melulu, tidak menghormati orang lain
  - D. kurang bercampur dengan orang

58. Pendekatan \_\_\_\_\_ menekankan konsep pilihan peribadi dan kebebasan dalam membentuk personaliti seseorang.
- A. sifat
  - B. kognitif
  - C. kemanusiaan
  - D. Rogers
59. \_\_\_\_\_ adalah untuk meningkatkan kesejahteraan diri (penyembuhan).
- A. Terapi Biomedical
  - B. Terapi urut
  - C. Psikoterapi
  - D. *Electroconvulsive*
60. \_\_\_\_\_ adalah rawatan yang memberi tumpuan kepada pengurangan gejala yang berkaitan dengan gangguan psikologi.
- A. Terapi Biomedical
  - B. Terapi urut
  - C. Psikoterapi
  - D. *Electroconvulsive*
61. Peristiwa traumatik yang tidak dijangka boleh memberi kesan kepada kesihatan fizikal dan psikologi seseorang.
- A. Betul
  - B. Salah
62. Stereotaip adalah skema untuk kumpulan tertentu.
- A. Betul
  - B. Salah
63. *Bystander effect* menyatakan bahawa lagi ramai saksi ketika darurat, maka kurang kemungkinan salah seorang daripada mereka untuk menawarkan bantuan.
- A. Betul
  - B. Salah

64. Takut, rasa tidak selamat dan rasa tidak dihargai adalah antara emosi negatif yang memberi kesan kepada tekanan.
- A. Betul
  - B. Salah
65. *Exhaustion stage* adalah peringkat kedua yang membuatkan badan lebih terdedah kepada lebih daripada satu penyakit.
- A. Betul
  - B. Salah
66. Pada yang menghadapi stres, *biofeedback* dapat membantu individu dengan memantau dan mengawal perubahan dengan cara yang berkesan.
- A. Betul
  - B. Salah
67. Makan dengan diet yang betul dan rehat yang cukup bukanlah cara untuk mengurangkan stres atau pemulihan tingkah laku.
- A. Betul
  - B. Salah
68. *Aversive racism* adalah apabila seseorang dari sesuatu bangsa lain merasa seronok bila berada berdekatan dengan seseorang dari bangsa yang berbeza.
- A. Betul
  - B. Salah
69. Pengalaman yang kita lalui dengan kumpulan yang tertentu, pendedahan terhadap model yang ada, ganjaran dan hukuman yang kita terima dalam kehidupan dapat membentuk stereotaip dan sikap prejudis seseorang.
- A. Betul
  - B. Salah
70. *Hostile aggression* adalah bertujuan untuk menakutkan orang lain.
- A. Betul
  - B. Salah

71. Bayi rabun jauh ketika dilahirkan.
- A. Betul
  - B. Salah
72. *Schema* baru boleh dikembangkan dalam proses penyesuaian (*accommodation*).
- A. Betul
  - B. Salah
73. Prejudis adalah kecenderungan untuk belajar menilai sesuatu perkara dengan cara yang tertentu.
- A. Betul
  - B. Salah
74. *Altruism* adalah sikap untuk membantu orang lain tanpa didorong oleh kepentingan diri sendiri.
- A. Betul
  - B. Salah
75. Pendekatan sifat memberi tumpuan kepada aspek dalaman personaliti.
- A. Betul
  - B. Salah
76. Diskriminasi sebahagian besar stereotaip yang negatif yang tidak adil digunakan untuk semua ahli-ahli kumpulan tersebut tanpa mengira ciri-ciri individu itu
- A. Betul
  - B. Salah
77. Sikap menyebabkan setiap orang unik.
- A. Betul
  - B. Salah
78. Personaliti dipengaruhi oleh banyak faktor.
- A. Betul
  - B. Salah

79. Model personaliti dikenali sebagai model PEN (*Psychoticism, Extraversion, Neuroticism*).

- A. Betul
- B. Salah

80. Personaliti menekankan bahawa manusia perlu mempunyai dorongan dalaman untuk mencapai potensi sepenuhnya dalam kehidupan.

- A. Betul
- B. Salah